



MOHD. SAUFI bersama Rohana merakamkan detik istimewa sebagai pengantin pertama menaiki MRT dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen Surian, Petaling Jaya semalam

Pasangan pengantin baharu kongsi detik istimewa guna perkhidmatan MRT

KUALA LUMPUR – Hari pertama operasi Mass Rapid Transit (MRT) dimeriahkan dengan kehadiran sepasang pengantin baharu yang menaiki perkhidmatan tren berkenaan semalam.

Pasangan Mohd. Saufi Hamzah, 46, dan Rohana Shaib, 40, mencuri tumpuan orang ramai ketika mereka menaiki tren tersebut di Stesen Sungai Buloh, Selangor ke Stesen Surian, Petaling Jaya.

Mohd. Saufi yang merupakan seorang penolong pengarang sebuah akhbar dalam talian berkata, beliau bersama rombongan pengantin seramai 15 orang berasa teruja menaiki tren berkenaan.

“Saya amat gembira menaiki MRT bersama isteri tercinta dan berbesar hati kerana diberikan peluang untuk berkongsi detik istimewa bersama penumpang lain.

“Ini merupakan hadiah perkahwinan buat kami berdua yang tidak akan dilupakan kerana turut melakar sejarah tersendiri sebagai pengantin pertama menaiki MRT,” katanya di sini semalam.

Terdahulu, Mohd. Saufi dan Rohana dijabkabulkan pada pukul 10.30 pagi di Pejabat Agama Daerah Petaling di Shah Alam, Selangor sebelum menaiki MRT pada pukul 2.30 petang.